POLISI DADAH DAN ALKOHOL

Sarawak Metro Sdn Bhd (SMSB) komited untuk mencapai persekitaran kerja yang sihat dan selamat untuk pekerja termasuk pihak berkepentingan. Penyalahgunaan dadah dan alkohol boleh membawa kesan buruk terhadap kesihatan dan keselamatan diri sendiri dan juga orang lain.

Mengambilkira kesan tersebut, semua pekerja dilarang melakukan perkara-perkara berikut: -

1. Penyalahgunaan dadah, meminum alkohol atau yang berkaitan dengannya semasa berkerja.
2. Memiliki dadah dan alkohol di premis syarikat, tempat Kerja syarikat atau kenderaan syarikat.
3. Di dalam pengaruh dadah dan alkohol semasa bekerja.
4. Membeli, menjual, mengedar dan membekal dadah dan alkohol di tempat kerja.

Bagi mana-mana Pekerja yang menjalani rawatan perubatan menggunakan bahan terkawal ini yang diketahui boleh menjejaskan prestasi kerja mereka, mereka adalah diminta untuk melaporkannya kepada Penyelia masing-masing.

SMSB bersetuju dan bertanggungjawab untuk mengambil tindakan yang wajar untuk menangani penyalahgunaan dadah atau alkohol dan kesannya di tempat kerja.

Melanggar Polisi ini dianggap sebagai salahlaku yang serius. Tindakan tatatertib akan diambil oleh syarikat termasuk menamatkan kontrak kerja.

TS. MAZLI BIN MUSTAFFA
Ketua Pegawai Eksekutif
Sarawak Metro Sdn Bhd